



AKADEMI PERKHIDMATAN TADBIR NEGERI JOHOR

Permohonan adalah dipelawa kepada rakyat negeri Johor atau warganegara Malaysia untuk mengisi kekosongan di Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor:

Skim Perkhidmatan	:	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Gred Jawatan	:	N1
Gaji Minimum	:	RM 1,500.00
Gaji Maksimum	:	RM 4,680.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM 100.00
Jumlah Kekosongan		3 Kekosongan
Syarat Lantikan	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; Dan
- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00);
atau
- d) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00);
atau

- e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00);
atau
- f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,622.00)

2. Syarat kelayakan bahasa melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Cara permohonan dan syarat-syarat :

- a) Permohonan jawatan adalah secara "online" dan pemohon boleh memohon di laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my/index.html>.
- b) Pemohon dikehendaki mengisi maklumat dengan lengkap dan memuat naik dokumen sokongan semasa memohon jawatan. Permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**.

4. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

5. Tarikh Permohonan:

24 Oktober 2025 hingga 7 November 2025 (5.00 Petang)

Ketua Pegawai Eksekutif

Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor
Aras 1, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad,
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri, Johor.

CATATAN

1. Hanya calon-calon yang layak setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap sebagai **TIDAK BERJAYA**.
3. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.